

Tinjauan Literatur Kajian Bilangan dalam al-Quran: Satu Tinjauan Umum

BITARA

Volume 4, Issue 2, 2021: 105-119
© The Author(s) 2021
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>

[Literature Review of the Numerical in Quran: A General Review Paper]

Intan Nor Syahira Ahmad¹ & Md Nor Abdullah¹

Abstrak

Kajian bilangan dalam al-Quran merupakan satu dimensi baru bagi memahami makna ayat dengan lebih terperinci. Kebanyakan sarjana berpendapat unsur bilangan yang terdapat pada ayat al-Quran mempunyai isyarat yang disifatkan sebagai penting. Di samping itu, unsur bilangan juga merupakan salah satu aspek yang turut dibahaskan dalam kajian kemukjizatan al-Quran iaitu kemukjizatan bilangan (*i'jaz al'adadi*). Kemunculan tanda kemukjizatan al-Quran daripada aspek bilangan telah menarik minat penulis yang datang daripada pelbagai latar belakang berbeza. Namun begitu, dapatan kajian yang dikemukakan sering menjadi perdebatan. Ini kerana para penulis kebiasaannya menggunakan corak tersendiri ketika menjalankan kajian sesuai bidang kepakaran mereka. Hal ini perlu dikaji semula agar tidak menimbulkan salah faham dalam kalangan masyarakat umum. Oleh itu, kajian ini bertujuan mengenal pasti perbincangan unsur-unsur bilangan yang telah dilakukan dalam kajian lepas. Kajian ini merupakan kajian kualitatif menggunakan kaedah kajian kepustakaan dengan menganalisis data secara deskriptif daripada kajian lepas yang berkaitan dengan tajuk ini. Namun begitu, topik yang ditekankan dalam kajian ini adalah tentang hasil kajian bilangan yang diketengahkan oleh para penulis lepas. Tema-tema mengenainya disusun mengikut bentuk kajian agar kronologinya dapat diteliti. Secara umumnya, kajian bilangan sudah banyak dibincangkan tetapi kajian berkenaan bilangan dalam al-Quran secara khusus masih perlu diberi perhatian..

Kata kunci:

I'jaz, 'Adadi, Unsur Bilangan, Bilangan dalam al-Quran.

Abstract

Study of numbers in the Quran is a new dimension for more detailed understanding of the significance of the verses. Most scholars believe that the element of numbers found in the verses of the Quran that is considered important. Furthermore, the element of numbers is also one aspect of the miracles in the Quran known as numerical miracle (*i'jaz al-'adadi*) which is discussed in the previous study of the Quran miracles as well. The existence of the Quran's miraculous signs from numerical aspects get the attention of writers from different backgrounds. However, the results of the studies presented are often arguable. This is because some researchers usually follow their own pattern when conducting research in their field of expertise. Therefore, it should be re-examine so that the common people are not misled. As a result, the purpose of this study is to figure out the element of numbers in previous studies. This research is a qualitative study using the library research method and analysed descriptively from previous study about this topic. The focus of the study is on the findings of the

¹ Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA

Corresponding Author:

MD NOR ABDULLAH, Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia.
E-mail: monab@ukm.edu.my

previous research about numerical analysis. To examine the chronology, the theme in this study are organised by classification of topic. In fact, the study of numbers has numerously been discussed. However, study of numbers specifically related to the Quran should be emphasized.

Keywords:

Miracle, Numerical, Element of Numbers, Numerical in Quran.

Cite This Article:

Intan Nor Syahira Ahmad & Md Nor Abdullah. 2021. Tinjauan literatur kajian bilangan dalam al-Quran: Satu tinjauan umum. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 4(2): 105-119.

Pengenalan

Kajian kemukjizatan al-Quran dilakukan bagi memahami isi kandungan al-Quran dari pelbagai aspek. Ini sesuai dengan al-Quran sebagai mukjizat yang sifatnya tidak terbatas pada suatu masa tertentu dan ilmunya sesuai dengan peredaran zaman. Begitu juga dengan keindahan susunan al-Quran termasuk rumus matematik diakui oleh kebanyakan sarjana Islam termasuk pakar bahasa dan kesusastraan Arab. Ini kerana wujudnya hubungan antara perbahasan matematik dan ayat-ayat al-Quran yang mampu dirungkai oleh para penulis (Aripudin, 2017). Kajian *al-'ijaz al-'adadi* dan *tafsir al-Quran bi al-Quran* mempunyai titik temu (Izza, 2014). Justeru, kajian kemukjizatan al-Quran dengan memerhatikan aspek bilangan merupakan satu dimensi baru yang perlu dititik beratkan dan penting untuk dikaji.

Abad mutakhir ini menyaksikan kemunculan aspek bilangan sebagai salah satu bentuk dalam kajian kemukjizatan al-Quran (Zaki & Zulkifli, 2016). Walau bagaimanapun, kajian angka dan bilangan dalam al-Quran telah pun bermula sejak abad ke-5 Hijrah lagi (Zaki & Zulkifli 2016). Penomboran yang bermula pada abad ke-21 Masihi menjadi faktor wujudnya hubungkait antara penomboran al-Quran yang bermula pada awal abad ke-20 Masihi dengan kemunculan teori mukjizat angka pada pertengahan abad yang sama. Banyak kajian tentang bilangan yang telah dilakukan oleh para penulis seperti 'Abd Da'im al-Kahil, Bassam Jarrar dan Abu Zaki Ismail. Menurut Zaki (2017), bentuk kajian bilangan merangkumi beberapa aspek yang perlu diambil kira oleh penulis iaitu tentang bilangan surah, ayat, kalimah, dan huruf. Hal yang kedua ialah dari segi susunan surah dan ayat. Menurut al-Sabuni (2002), aspek kemukjizatan al-Quran yang pertama dilihat pada susunan yang indah adalah sama sekali berbeza dengan susunan dalam tatabahasa Arab. Ketiga, mengenai pengulangan bagi sesuatu kalimah yang terdapat dalam al-Quran. Kemudian, pemerhatian terhadap nilai angka abjad. Seterusnya, bilangan tertentu yang disebutkan dalam al-Quran dan huruf-huruf yang terdapat di awal surah (*fawatih suwar*).

Sungguh pun demikian, perbezaan bentuk kajian bilangan dalam al-Quran mempunyai matlamat yang sama iaitu bagi menyerlahkan tanda kemukjizatan al-Quran. Sebagai contoh, Akrom (2019) menjelaskan bahawa di dalam al-Quran menyebut berbagai bentuk bilangan termasuk bilangan pecahan yang membuktikan ia adalah satu kemukjizatan al-Quran. Menurut Fatimatus (t.th.) pula, sebanyak 38 bilangan berbeza telah disebutkan dalam al-Quran. Namun begitu, dari segi makna bilangan dalam al-Quran terbahagi kepada dua iaitu merujuk kepada makna sebenar (*hakiki*) seperti bilangan tujuh yang disebutkan dalam surah al-Baqarah dan

makna bilangan yang berbentuk kiasan (*majazi*) iaitu tentang makna tujuh lapisan langit (Misbahuddin, 2011).

Oleh itu, kemukjizatan al-Quran yang dilihat dari aspek bilangan ini merujuk kepada keajaiban, kehebatan dan ketidak-boleh-tandingan al-Quran yang berkait dengan aspek bilangan, hitungan dan susunan. Apabila al-Quran dinisbahkan kepada angka, ia bererti perkara luar biasa, kehebatan dan keajaiban yang terdapat pada tanda atau lambang yang menunjukkan bilangan atau jumlah sesuatu yang ada pada al-Quran dengan sifatnya melemahkan sesiapa jua untuk menirunya serta membuktikan kebenaran al-Quran (Zaki, 2017). Sistem penyusunan yang disulam dengan keindahan seni bahasa al-Quran ini mengandungi makna tersirat dan terdapat padanya juga makna tersurat. Seterusnya, apabila ia dikaji dengan lebih mendalam akan menghasilkan sesuatu input yang baru terutama dalam menyerlahkan lagi kajian kemukjizatan al-Quran.

Definisi Mukjizat Bilangan

Kemukjizatan bilangan merupakan salah satu aspek dalam kajian kemukjizatan al-Quran. Ungkapan ini terhasil daripada gabungan dua perkataan iaitu mukjizat dan bilangan. Mukjizat dari sudut bahasa bermaksud menjadikan sesuatu lemah atau tidak mampu. Ia berasal daripada perkataan *a'jaza* atau *i'jaz* iaitu menghilangkan (Ibnu Manzur, t.th.). Kemukjizatan dari sudut istilah pula ialah kelemahan manusia secara individu mahupun secara berkumpulan bagi meniru ayat al-Quran dengan tujuan untuk membuktikan kebenaran al-Quran dan rasulNya (al-Sabuni, 2002). Adapun, makna *i'jaz al-Quran* itu adalah merujuk kepada keterbatasan ilmu pengetahuan manusia atau dengan maksud yang lebih tepat iaitu, hilangnya keupayaan manusia untuk mendatangkan ayat yang sama seperti al-Quran (Rashad 2006).

Manakala, kajian angka pula bermaksud setiap kajian berkaitan dengan angka, bilangan, jumlah, susunan dan keseimbangan. Namun begitu, kajian angka dalam al-Quran pula dapat difahami sebagai penyelidikan berkenaan dengan nombor yang disebut dalam al-Quran, bilangan yang terhasil dari kiraan ayat, kalimah, huruf serta kedudukan dan susunan dalam al-Quran seperti mana yang dinyatakan Zaki & Zulkifli (2016). Ia turut disokong oleh Mustar (2011) bahawa istilah ini bertepatan dengan maksud kemampuan mukjizat yang dimiliki al-Quran dari segi angka atau bilangan tertentu.

Farhat (2007) menyatakan bahawa para penulis dalam kajian kemukjizatan bilangan ini berbeza pendapat sehingga setiap daripada mereka menggunakan kaedah tersendiri tanpa mengira sama ada ia disokong atau tidak. Sungguhpun demikian, data yang digunakan oleh para penulis dalam kajian bilangan dan mukjizat bilangan dikategorikan kepada beberapa bahagian. Menurut Zaki (2017), terdapat beberapa bentuk penemuan dapatan kajian mukjizat bilangan dan kajian bilangan yang ditemukan oleh Bassam, Abd al-Daim dan Abdullah Jalghum antaranya:

- i. Bilangan huruf, bilangan dan susunan surah dan ayat al-Quran
- ii. Kalimah-kalimah yang berulang dalam al-Quran
- iii. Nombor-nombor pilihan dalam al-Quran

- iv. Huruf-huruf pembukaan (*fawatih*) surah
- v. Bilangan dan nombor dalam al-Quran dan hubungannya dengan perkara luar

Penyataan Masalah

Melihat kepada kajian-kajian lepas, sebahagian penulis membincangkan mukjizat bilangan sebagai ‘permainan angka’ yang rumit dan sukar untuk difahami. Ini kerana, corak penelitian dipengaruhi oleh para penulis yang berasal dari latar belakang yang berbeza khususnya yang bukan daripada bidang ulum al-Quran. Sikap sering mengetengahkan teori matematik merupakan suatu fenomena yang dianggap tidak relevan dalam kajian kemukjizatan bilangan dalam al-Quran. Ini kerana kemukjizatan al-Quran merupakan fokus utama dalam kajian dan bilangan sebagai sumber kedua.

Bertitik tolak daripada kepelbagaiannya bentuk penemuan penulis mengenai bilangan dalam al-Quran, ianya dilihat perlu selaras dengan konsep kemukjizatan al-Quran. Ini kerana tidak semua hasil kajian yang dijalankan oleh para penulis yang bukan dari bidang pengajian Islam terutamanya, diiktiraf oleh para ulama dalam bidang al-Quran dan tafsir (Zaki 2017). Bahkan, menurut Akrom (2019) kajian kemukjizatan dari aspek bilangan belum menemukan titik temu universal dalam teorinya kerana merupakan sebuah topik perbahasan yang baru dalam kajian ‘ulum al-Quran.

Justeru, Zaki (2017) mengatakan bahawa para penulis dalam kajian bilangan perlu mengenal pasti terlebih dahulu dan peka dalam membezakan antara keistimewaan angka atau bilangan dengan keajaiban bilangan dalam al-Quran. Bersejalan dengan peranan bilangan sebagai satu aspek bagi menyerlahkan sifat *i’jaz*. Sementara itu, fokus kajian mukjizat al-Quran adalah tentang kehebatan al-Quran dari aspek bilangan (*i’jaz al-Quran al-‘adadi*), bukan keajaiban bilangan secara umum (*‘ajaib al-‘adad*) dan bukan sekadar *al-‘adad* dalam al-Quran. Selaras dengan tujuan utama kajian bilangan adalah untuk menyerlahkan kehebatan dan mukjizat al-Quran seperti yang dicetuskan oleh penulis kurun ke-20 iaitu Badi’ al-Zaman Sa’id Nursi dalam Risalah Nur (Rasa’il al-Nur).

Manakala, data-data bilangan yang diperolehi daripada al-Quran adalah sebagai satu isyarat yang merupakan sumber kedua dalam memperkayakan bidang kajian kemukjizatan al-Quran. Bagi memastikan ianya kekal valid pendekatan yang digunakan perlu dikaji agar sesuai piawaian akademik tanpa dipengaruhi mana-mana mazhab atau aliran tertentu. Agar dapatan kajian yang dikemukakan tidak keluar daripada konteks pembuktian mukjizat al-Quran (Yusufa, 2014).

Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti perbincangan unsur-unsur bilangan yang telah dilakukan dan hasil kajian angka yang diketengahkan oleh para penulis dalam kajian lepas.

Metode Kajian

Kajian ini adalah kajian kualitatif yang menggunakan kaedah kepustakaan untuk mendapatkan data. Data dikumpul daripada buku, jurnal, tesis, kertas kerja, persidangan dan sebagainya. Data yang diperolehi dianalisis secara deskriptif.

Analisis Tinjauan Literatur: Kajian Bilangan

Dalam kajian ini, tinjauan literatur dibahagikan kepada empat tema iaitu kajian bilangan secara umum, kajian bilangan 3, bilangan 7 serta bilangan 11 dalam al-Quran. Hasil kajian angka yang diketengahkan oleh para penulis lepas merupakan satu perbincangan penting dalam kajian ini bagi menelusuri aspek bilangan sebagai satu dimensi baru dalam bidang tafsir al-Quran. Ia juga merupakan satu isyarat penting yang perlu diteliti oleh para penulis pada hari ini. Sehubungan itu, kajian ini hanya memfokuskan unsur bilangan yang disebutkan dalam al-Quran sahaja dengan menyatakan bilangan-bilangan tertentu yang telah dipilih oleh pengkaji. Kerana keseluruhan bilangan dalam al-Quran terdapat sebanyak 38 bentuk yang berbeza dan amat luas untuk dibahaskan dalam perbahasan ini. Ia meliputi semua jenis bilangan yang mana makna bagi bilangan tersebut terbahagi kepada dua iaitu makna sebenar (*hakiki*) dan makna kiasan (*majazi*) (Mas'ud, 2008). Daripada keseluruhan 38 itu, 30 bilangan merupakan ordinal dan 8 lagi adalah pecahan (rasional) (Fatimatus, t.th). Sungguhpun demikian, penyebutan bilangan yang dimaksudkan dan kewujudannya di dalam al-Quran adalah dalam bentuk perkataan dan bukan berbentuk simbol (Misbahuddin, 2011).

Kajian Bilangan Secara Umum

1. Konotasi angka

Mikdar (2003) dalam disertasi bertajuk Konotasi Angka-Angka Dalam Al-Quran: Suatu Kajian Tafsir Maudu'i telah membincangkan perihal angka dalam al-Quran. Kajian ini bertujuan bagi mengetahui hikmah dan merungkai kemukjizatan al-Quran dari aspek angka. Penulis memperolehi data menggunakan kaedah kajian kepustakaan. Kemudian menggunakan sistem penafsiran al-Quran secara tematik bagi menyusun data-data yang diperolehi. Kemudian membahagikan angka-angka kepada tiga tema utama iaitu angka berkaitan dengan Allah s.w.t., manusia dan alam sekitar. Rumusan dalam kajian konotasi angka mendapat bahawa angka dalam al-Quran merupakan satu kaedah dalam memahami bahawa al-Quran akan sentiasa bersifat relevan dan sesuai pada setiap zaman dan kemukjizatan al-Quran mampu dibuktikan dengan membuat kajian berkenaan angka dalam al-Quran.

2. Bentuk bilangan dan penggunaan

Seterusnya, kajian Misbahuddin (2011) bertajuk Makna Bilangan Angka Dalam Al-Quran pula mengkaji bentuk bilangan dan angka serta penggunaannya dalam al-Quran. Dalam kajian ini beliau mengklasifikasikan bilangan-bilangan yang terdapat dalam al-Quran dengan mengenal

pasti bilangan yang paling kecil hingga paling besar. Seterusnya, penulis mengkategorikan bilangan dalam bahasa Arab seperti berikut:

- i. ‘*adad Asliyah* (mufrad, adad al-murakkab,al-uqd,al-ma’thuf)
- ii. ‘*adad tartibiyah*
- iii. ‘*adad kinayah* (bad’un, kam istifham dan khabariyah, kaza, naifun)

Selain itu, beliau turut menggariskan sebanyak 38 jenis penyebutan bilangan dalam al-Quran dan berpendapat bahawa ia berlaku dengan tujuan tertentu. Ia sama ada penyebutan sesuatu bilangan itu berlaku secara berulang-ulang atau sekali. Oleh yang demikian, Misbahuddin berpendapat makna bilangan dalam al-Quran secara umum dapat difahami dengan makna sebenar dan makna kiasan. Contohnya, bilangan sebenar membahaskan tentang ketetapan hukum Allah s.w.t. berkenaan pembahagian harta pusaka. Manakala, secara kiasan pula ia mengandungi penyebutan tentang operasi hitungan.

Secara keseluruhan dapat diperhatikan bahawa dalam kajian lepas, setiap penulis menggunakan metode dan teori yang berbeza dalam pendekatan perbahasan tentang kajian bilangan dalam al-Quran seperti perbahasan tentang bilangan al-Quran dengan menyentuh pelbagai jenis bilangan kemudian menggunakan kaedah tematik dalam penyusunan bab oleh Mikdar (2014). Manakala, Ling Misbahuddin (2011) menekankan perbincangan tentang bentuk dan penggunaan bilangan dalam al-Quran.

Bilangan 3 dalam al-Quran

1. Angka tiga dalam kehidupan

Khoiruz (t.th) dalam artikel bertajuk Bilangan-Bilangan Istimewa Dalam Al-Qur'an Yang Tak Kalah Istimewa Dengan Bilangan 19 berpendapat bahawa angka 3 merupakan bilangan prima ganjil pertama. Angka yang bersifat ganjil ini sering menjadi angka yang dianjurkan dalam Islam sebagai hitungan dalam melakukan sesuatu perkara seperti pengulangan gerakan wudhu, pengucapan lafaz salam dan makan dengan 3 jari. Contoh angka bersifat ganjil juga ialah rukun umrah dan haji iaitu tawaf, sajerta dalam keadaan menamakan anak dan sebagainya. Dalam suatu kisah tentang Siti Maryam yang akan melahirkan putranya Nabi Isa a.s., Siti Maryam mengambil buah kurma sebanyak 3 biji. Dengan yang demikian, inilah menjadi tanda bahwa angka 3 memiliki tempat tertentu dalam agama Islam. (Khairoz. t.th)

2. Angka tiga menurut kaedah bahasa Arab

Kajian A'lewi (2010) Number three In Quran Contextual study of expressive memfokuskan tentang bilangan tiga dalam al-Quran dengan menyentuh secara umum perbincangan dari segi linguistik dan sintaksis. Menurut penulis bilangan 3 dalam al-Quran difahami dengan melihat kepada kesesuaian ayat dan tempat. Sungguhpun demikian, perbahasan ini hanya memfokuskan mengenai konteks ayat yang merujuk kepada sesuatu perkataan atau struktur ayat melibatkan perbincangan dari sudut linguistik dan sintaksi dengan menggunakan

pendekatan kualitatif. Antara isu-isu yang dikemukakan oleh penulis dalam menetapkan tema bilangan tiga dalam al-Quran ialah:

- i. Bilangan 3 dalam al-Quran
- ii. Tiga kali pengulangan
- iii. Doa yang diulang tiga kali dalam al-Quran

Namun begitu, penulis dalam perbincangan ini hanya memfokuskan kepada ayat-ayat yang mengandungi bilangan 3 yang disebutkan dalam al-Quran. Iaitu dengan memerhatikan bilangan 3 tersebut pada lafadz ثلث, ثالث dan ثلثة. Di samping itu, penulis turut menyentuh bilangan 3 di dalam al-Quran dengan mengenal pasti perbezaan di antara lafadz yang merujuk kepada sesuatu yang bersifat lelaki (*tazkir*) dan sesuatu yang disifatkan sebagai wanita (*ta'nith*). Seterusnya, membuat kesimpulan tentang ayat-ayat al-Quran yang terdapat penyebutan bilangan tiga dari segi kontekstual ayat al-Quran, linguistik (*lughawi*), dan sintaksis (*nahu*).

Dari segi kontekstual ayat al-Quran bilangan tiga melibatkan isu aqidah dan hari kiamat, isu perundangan Islam (mirath, nikah, talak dan kifarah), isu tentang cerita dalam al-Quran (ashab al-Kahfi, kisah Nabi Musa, dan Nabi Zakaria serta isu yang menyentuh tentang Aqidah. Di samping itu, penekanan dari segi linguistik seperti asal perkataan 3 ثلث, *mamnuq min as-sarf*, *isim fa'il*, ثالث, *tazkir* dan lafadz berbentuk *muanath* . ثلثة. Manakala, dari segi ilmu sintaksis (*nahu*) pula adalah tentang baris pada bilangan-bilangan yang terdapat dalam al-Quran iaitu baris hadapan (*marfu'*) seperti *mubtada'* khabar. Baris atas (*mansub*) merujuk kepada zorf zaman, hal, na'ib fa'il, sifat dan baris bawah (*majrur*) pada lafadz harf, idafah serta sifat.

Kajian melibatkan bilangan tiga menurut kaedah bahasa Arab merangkumi perbahasan berkenaan konteks ayat, ilmu linguistik dan sintaksis yang mempunyai kaitan dengan bilangan. Hasil kajian mendapati bahawa pengaruh dari sudut bahasa mampu mengubah sesuatu bentuk penyebutan bilangan dalam al-Quran. Bilangan dalam bahasa Arab mempunyai lafadz yang khusus sesuai dengan struktur ayat dan maksud yang ingin disampaikan. Selain itu, baris bagi lafadz bilangan yang terdapat dalam al-Quran juga turut menjadi perbahasan dengan tujuan mengenal pasti kedudukan sesuatu bilangan dalam ayat.

Hasil pemerhatian daripada kajian diatas, didapati bahawa angka tiga merupakan angka yang mempunyai kedudukan istimewa dalam Islam dan mempunyai hubungan erat dalam kehidupan kita. Selain itu, penyebutan lafadz-lafaz bilangan tiga dalam al-Quran turut dipengaruhi oleh kedudukan tempat dan kesesuaian ayat. Merangkumi pelbagai ilmu bahasa Arab seperti ilmu Nahu dan Balaghah, unsur bilangan dalam al-Quran adalah sesuatu yang penting untuk dihayati dari segi penggunaan lafadz yang berbeza sesuai kedudukannya. Justeru, penyebutan bilangan dalam al-Quran merupakan satu topik yang menarik kerana mempunyai nilai yang berbeza dan penyebutan khusus serta mengandungi makna tersirat bagi setiap penyebutannya dalam al-Quran.

Bilangan 7 dalam al-Quran

Bilangan tujuh merupakan angka kedua paling banyak diulang selepas angka satu. Keajaiban angka 7 yang sering diperkatakan oleh kebanyakan penulis adalah medium baru untuk

mengetahui lebih dalam tentang Islam. Ia seperti fenomena alam yang sering dipilih sebagai tema dalam kajian angka 7. Zulfa (2018) mengatakan bahawa angka ini memiliki keistimewaan dalam ibadah, alam semesta dan dalam perihal sejarah. Pengulangan bagi bilangan 7 sering berlaku sama ada dalam bentuk bilangan atau simbol (Zahidan, 2004). Bilangan ini mempunyai kedudukan yang istimewa kerana ia merupakan satu angka yang sering berkait rapat dalam kehidupan manusia khususnya bagi mereka yang beragama Islam. Sebagai contoh, rukun-rukun ketika mengerjakan haji dan umrah, amalan ketika kelahiran bayi dan sebagainya seringkali melibatkan bilangan tujuh.

Muhammad Fuad Abd Baqi (1981) dalam *al-Mu'jam al-Mufahris li-alfaz al-Quran al-Karim* menggariskan 20 ayat al-Quran yang berkaitan dengan angka tujuh. Berbanding al-Dawudi (1986) yang berpendapat bahawa penyebutan bilangan tujuh dalam al-Quran berlaku sebanyak 24 kali. Ianya merangkumi pelbagai tema dengan merujuk kepada makna sebenar (*hakiki*) dan kiasan (*majazi*) (Misbahuddin, 2011).

Tambahan pula, bilangan tujuh dalam sastera Arab seperti tujuh puluh, tujuh ratus, tujuh ribu dan seterusnya adalah bilangan yang biasa digunakan bagi menyampaikan makna berbentuk kiasan (*majazi*) iaitu merujuk kepada suatu yang banyak atau sesuatu yang tidak mampu dihitung (Damanhuri, 1985). Ini kerana bilangan tujuh amat sinonim dengan bilangan yang banyak serta melibatkan perbincangan mengenai bilangan langit, bumi, lautan, bintang dan anggota badan (al-Bantani, t. th). Sungguh pun demikian, menurut Fatimatus (t.th) lafaz '*saabi'* tidak dikira sebagai bilangan tujuh.

1. Pengulangan Angka Tujuh

Seperti kajian Fatimatus (t.th) yang bertajuk Keistimewaan Angka 7, penulis menekankan tentang pengulangan bilangan 7 yang sering disebut dalam al-Quran, hadith dengan melihat dari segi kemukjizatan yang terdapat pada ayat-ayat tersebut. Namun begitu, perbahasan tentang kemukjizatan pada ayat bilangan yang dinyatakan itu tidak diuraikan secara jelas dalam kajian. Bassam hanya memberi perhatian pada bilangan tujuh tentang bab berkaitan ibadah haji dan nama Nabi Isa a.s. dan Nabi Adam a.s. Dengan menghitung gabungan daripada nama kedua Nabi ini dari permulaan al-Quran, penulis mendapati bahawa nama Nabi Isa dan Nabi Adam dalam surah ali-Imran ayat 59 adalah ulangan ketujuh. Beliau sering menggunakan hisab jummal sebagai kaedah bagi memperolehi data. Namun begitu, ramalan mengenai kejatuhan Israel pada tahun 2022 telah melanggar piawaian (Zaki, 2017).

Zamani (t.th) pula menghimpunkan 20 fakta sebagai bukti kewujudan unsur kemukjizatan bilangan dalam surah al-Fatihah. Kajian ini hanya menumpukan kepada angka 7 seperti lafaz *jahannam* yang berulang sebanyak 77 kali dalam al-Quran, penyebutan beberapa huruf yang jika digandakan akan menghasilkan bilangan 7 dan fakta terakhir yang dikemukakan adalah tentang baris *sabdu* atau *syaddah* yang terdapat dalam bacaan surah al-Fatihah. Seterusnya, penulis membuat kesimpulan bahawa gandaan 7 adalah satu penemuan yang menarik sebagai salah satu bukti manusia tidak mampu menandingi al-Quran.

Kajian pengulangan tujuh berlaku dalam al-Quran dan hadith. Ia tertumpu kepada susunan mahupun lafaz-lafaz tertentu yang disebutkan secara berulang. Para penulis berpendapat bahawa ia merupakan aspek yang dilihat sebagai kekuatan al-Quran dalam melemahkan manusia dan jin untuk mendatangkan sesuatu seperti al-Quran. Hal ini kerana,

sistem susunan yang melibatkan angka dan bilangan juga dikenali oleh sebahagian penulis sebagai susunan matematik menjadi salah satu topik kajian kemukjizatan al-Quran pada hari ini. Sekaligus membuktikan keagungan al-Quran dalam kemajuan ilmu pengetahuan sentiasa sesuai mengikut zaman sejak 1400 tahun lalu.

2. Gandaan Tujuh

Sarjana Islam, ‘Abd Daim al-Kahil telah membahaskan bilangan 7 dalam al-Quran dengan mengkaji tentang keseimbangan, kiraan kalimah dan huruf. Kajian tersebut menggunakan metode kiraan perduaan (binary) di gabung dengan bilangan perpuluhan (desimal). Beliau memilih bilangan tujuh sebagai asas utama dalam teori mukjizat bilangan dengan memfokuskan tentang gandaan tujuh. Asas pemilihan bilangan tujuh disandarkan kepada hadis-hadis Nabi s.a.w. yang menyebut angka tujuh. Beliau berpendapat bahawa kaedah bahasa Arab merupakan satu sudut yang perlu dititik beratkan. Sungguh pun demikian, terdapat kesilapan dalam kajian beliau berhubung dengan *waw al-‘atf* yang dikira sebagai kalimah berasingan dan huruf hamzah digugurkan semestinya bertentangan dengan ilmu bahasa Arab (Zaki, 2017).

Selain itu, gandaan tujuh yang semestinya melibatkan kiraan rumus matematik oleh ‘Abd Daim al-Kahil sentiasa merungkai penemuan-penemuan yang baru dalam bidang kajian kemukjizatan bilangan tujuh khususnya. Dengan menjadikan angka tujuh sebagai asas bagi merungkai kajian bilangan dalam al-Quran. Penulis hanya menumpukan skop kajiananya kepada penemuan yang melibatkan angka tujuh. Justeru, ini menyebabkan beliau tidak konsisten dalam membuat kiraan. Salah satunya adalah kesilapan yang dilakukan ketika mengaplikasikan kaedah bahasa Arab bagi memperolehi data dan maklumat.

3. Peranan bilangan tujuh dalam al-Quran

Di samping itu, penulisan Zahidan (2004) yang bertajuk Angka Tujuh Dalam Al-Quran mengetengahkan peranan bilangan tujuh mengikut struktur ayat dan bahasa bagi merungkai rahsia bilangan ini yang disifatkan sebagai satu tulisan yang menarik. Seterusnya, beliau mendapati bahawa angka tujuh menunjukkan kepada beberapa bentuk penggunaan seperti bentuk *tamthil*, *kinayah*, gandaan yang melampau (*mubalaghah*), menunjukkan bilangan banyak (*takthir*) dan angka yang merujuk kepada bilangan hakiki. Oleh itu, penulis mengklasifikasikan bilangan tujuh seperti di bawah:

1. Tujuh petala langit dan bumi
2. Tujuh hari berpuasa dalam ibadat haji
3. Tujuh gandaan pahala
4. Tujuh tahun subur dan tujuh tahun kemarau
5. Tujuh pintu neraka
6. Tujuh yang berulang-ulang
7. Tujuh pemuda ashab al-kahf
8. Tujuh lautan
9. Tujuh malam azab di turunkan

Kajian ini mengumpulkan ayat yang terdapat penyebutan bilangan tujuh dalam al-Quran dan menjelaskan ayat tanpa menyentuh perbahasan tentang kemukjizatan al-Quran. Namun begitu, penyebutan tentang bentuk dan penggunaan bilangan seperti *tamthil*, *kinayah* dan *mubalaghah* dianggap satu sudut yang boleh diberi perhatian oleh penulis lain dalam bidang kemukjizatan al-Quran dari aspek bilangan khususnya.

4. Bilangan tujuh dalam al-Quran

Sementara itu, kajian An-Najdi (1994) yang bertajuk Mu'jizat Al-Quran Al-Jadidah Bunyat Al-Ayat Wa Al-Suwar mengkaji tentang bilangan tujuh melalui pengklasifikasiannya kepada tiga tema utama. Penulis membuat kesimpulan secara umum tentang angka tujuh yang terdapat dalam al-Quran dengan mengkelaskan penemuannya kepada tiga bahagian iaitu:

- i. Perkataan atau kalimat atau lafaz atau huruf yang diulang sebanyak tujuh kali merangkumi qanun tasyabuh, tanasuq dan tanasub atau tanaqud. Seperti tujuh golongan manusia yang mendapat kejayaan dalam surah al-Mu'minun pada ayat 1-9. Pengulangan lafaz *ilahiyyah* iaitu Allah sebanyak tujuh kali dan tujuh ayat surah al-Fatihah.
- ii. Angka tujuh yang disebut secara langsung atau berulang dalam ayat-ayat tertentu. Juga bagi yang menunjukkan sesuatu jumlah yang banyak atau lebih dan ia boleh ditafsir dan ditakwil serta memberikan dan menjelaskan makna-makna tertentu. Ianya boleh ditemui dalam kisah Nabi Yusuf ketika Allah menyebut tentang tujuh tahun subur dan tujuh tahun kemarau. Selain itu, bilangan tujuh juga turut dinyatakan dalam kisah Nabi Ibrahim, Nabi Ismail dan Siti Hajar. Bilangan Ashab al-Kahfi yang diceritakan al-Quran turut terdapat penyebutan bilangan tujuh ketika membahaskan tentang jumlah keseluruhan mereka. Dalam bab ibadah pula, bilangan tujuh turut dikaitkan berkenaan puasa yang perlu diganti dan bilangan gandaan pahala dalam membuat sesuatu kebaikan.
- iii. Angka tujuh yang berkaitan dengan beberapa penciptaan Allah selain yang dinyatakan dalam al-Quran dan hadith-hadith Rasulullah (al-Najdi, 1994, hlm: 180) dan yang digunakan dalam kehidupan harian (al-Hamdani, t.th, hlm: 9)

Angka-angka tujuh tentang penciptaan Allah terdapat pada beberapa ayat yang menceritakan tentang kekuasaan Allah dalam mencipta sesuatu. Contohnya, tentang manusia yang disebutkan padanya bilangan tujuh adalah mengenai tujuh anggota badan manusia dan tujuh peringkat umur manusia. Penyebutan tujuh juga didapati ketika menceritakan tentang penciptaan tujuh petala langit, tujuh lapisan bumi, tujuh negeri yang terbesar di dunia, tujuh surah dan tujuh ayat panjang yang terdapat dalam al-Quran. Pada bab berkenaan akhirat juga turut disentuh seperti penciptaan tujuh pintu neraka.

Manakala, angka-angka tujuh yang terdapat dalam penggunaan harian adalah tujuh hari dalam seminggu dan tujuh anggota sujud. Di samping itu, penyebutan bilangan tujuh juga dikaitkan dengan rukun-rukun umrah dan haji seperti tujuh kali tawaf, tujuh kali *sa'ie* dan tujuh kali melontar jamrah.

Angka tujuh yang dilihat mempunyai keistimewaan ini telah menarik perhatian para penulis. Beberapa kajian melibatkan angka tujuh dalam al-Quran telah dibahaskan dan merupakan kajian yang paling banyak dilakukan ketika membahaskan aspek kemukjizatan al-Quran dari sudut bilangan. Berdasarkan tinjauan literatur yang telah dilakukan, kebanyakan kajian berkenaan bilangan 7 dan angka 7 lebih memfokuskan pada aspek angka berbanding menekankan perbincangan daripada aspek kemukjizatan (*i’jaz*) al-Quran. Ini kerana setiap kajian menggunakan kaedah yang tersendiri dalam menganalisis data dan hasil kajian. Pada masa akan datang, kajian bilangan 7 dan angka 7 mungkin boleh dikaji dengan melihat kepada gaya bahasa yang terdapat pada ayat yang mengadungi penyebutan secara khusus tentang bilangan tersebut. Selain itu, piawaian yang telah ditetapkan oleh Lembaga Mukjizat Saintifik Maghribi Zaki (2017) juga perlu dipatuhi oleh setiap penulis agar usaha bagi menyerahkan kemukjizatan al-Quran dari aspek bilangan mampu dicapai. Zahidan (2004) berpendapat bahawa angka tujuh adalah salah satu mukjizat al-Quran. Ini turut disokong oleh Abdul Razak Nawfal yang mengatakan bahawa angka tujuh merupakan sebahagian daripada *i’jaz al-Quran*. Akan tetapi, hasil kajian dan kaedah yang digunakan oleh setiap penulis dalam kajian bilangan tujuh dilihat tidak seragam.

Bilangan 11 dalam al-Quran

1. Pengiraan hisab jummal

Kajian melibatkan bilangan 11 yang menyentuh secara khusus hanya ditemukan melalui karya Rosman Lubis (2001) dalam kajian bertajuk keajaiban angka 11 dalam al-Quran. Kaedah yang digunakan bagi memperolehi data ialah dengan menggunakan sistem hisab jummal. Iaitu setiap huruf-huruf hija’iyyah akan ditukar sesuai nilai angka tertentu yang dimiliki huruf hija’iyyah seperti yang dinyatakan dalam sistem. Rosman berpendapat bahawa angka 11 adalah diambil daripada nama-nama Allah s.w.t. Dengan menggunakan formula matematik, penulis merumuskan bahawa kajian ini mampu menghasilkan jumlah 11 pada akhir penelitiannya. Namun, hasil kajian ini berpandukan kiraan berdasarkan hisab jummal. Sebagai contoh kiraan yang dibuat oleh penulis bagi mendapatkan angka 11:

No.	Huruf abjad	Hisab jumal
1.	Alif	1
2.	Lam	23
3.	Lam	23
4.	Ha’	27

Rajah 1: Kiraan hisab jummal oleh Rosman Lubis

Pemilihan perkataan Allah s.w.t. yang terdiri daripada empat huruf. Kemudian ditambahkan kesemua huruf berikut mengikut nilai hisab jumal bagi setiap huruf akan menghasilkan angka 74. Kemudian hasil ini dipisahkan menjadi $7+4 = 11$. Penulis melihat keselarasan ayat-ayat al-Quran menjadikan angka 11 sebagai asas utama. Keseragaman

bilangan ayat-ayat al-Quran berpandukan angka 11 dilihat bukan sebagai kebetulan. Bahkan, ia merupakan satu aspek dalam mengangkat perbahasan tentang kemukjizatan al-Quran. Sekaligus, menolak dakwaan bahawa Nabi saw mengarang kitab al-Quran, kerana keindahan sistem penulisan dan penempatan makna ini mengikut sebuah sistem yang disusun sesuai ilmu yang melibatkan disiplin matematik seperti yang telah dibincangkan oleh Rosman tentang keajaiban angka 11.

Bilangan 11 dalam al-Quran disebutkan hanya sekali ketika menceritakan tentang sebelas bintang dalam surah Yusuf ayat 4. Disebabkan kekerapan menyebut bilangan ini yang lebih sedikit berbanding bilangan tujuh menjadikan perbahasan mengenainya dilihat tidak mendapat tempat dikalangan para penulis. Penggunaan hisab jummal pula menurut Zaki (2017) merupakan sistem angka yang neutral dan tidak terikat dengan kepercayaan mana-mana agama. Namun, penggunaan dalam membuat ramalan perlu dielakkan. Sebaliknya yang menjadi permasalahan dalam kajian angka 11 ini ialah ketika penulis menggunakan kaedah penjumlahan dua angka atau lebih bagi memperolehi satu angka dikatakan adalah pengaruh dari tradisi yang sering digunakan dalam kajian Bible.

Dalam kajian angka 11, Rosman menggunakan teknik menambah hasil digit bagi mendapatkan angka 11. Sedangkan kaedah pengiraan operasi ini tidak termasuk dalam disiplin ilmu hitung (arimatik). Kaedah menjumlahkan dua angka atau lebih bagi memperolehi satu angka dikatakan adalah pengaruh dari tradisi yang sering digunakan dalam kajian Bible. Secara umum, kaedah yang digunakan bagi memperolehi data dilihat tidak dilakukan mengikut piawaian akademik yang telah ditetapkan kerana mempunyai pengaruh dari agama lain.

Kesimpulan

Pada abad ke-19 Masihi ini, perkembangan teknologi yang semakin pesat seperti penggunaan komputer telah menyumbang kepada penelitian dalam bidang kemukjizatan bilangan. Jika dilihat, *i'jaz 'adadi* belum dibahaskan secara eksplisit dalam kajian '*ulum* al-Quran klasik dalam kategori aspek kemukjizatan al-Quran. Namun begitu, penulis mutakhir ini berjaya membuktikan bahawa bilangan dalam al-Quran merupakan satu aspek yang perlu diteliti seterusnya diterima sebagai satu kajian baru dalam bidang ilmu al-Qur'an. Ini kerana kebanyakan sarjana berpendapat kajian angka dan mukjizat angka merupakan dari al-Quran itu sendiri dan berkembang di kalangan umat Islam. Para penulis perlu melihat kajian bilangan ini dari perspektif Islam serta mengelakkan sikap suka mengaitkan dengan unsur luaran.

Bilangan dalam al-Quran merupakan satu topik perbahasan yang luas. Ini termasuk bilangan berbentuk *kinayah* iaitu bilangan yang tidak disebutkan secara jelas seperti lafaz *Badl'un*, *kam*, *kadza*, dan *naifun* bagi menggambarkan bilangan dalam al-Quran. Penyebutan unsur bilangan pada beberapa ayat dalam al-Quran merangkumi pelbagai bentuk samada dalam bentuk bilangan pecahan (*al-kasur*), bilangan satuan (*al-mufrad*), bilangan urutan (*attartibiyah*), bilangan tersusun (*murakkab*) dan bilangan puluhan (*al-'uqd*). Daripada perbincangan di atas, dapat dirumuskan bahawa kajian bilangan dalam al-Quran secara umum ialah tentang bilangan yang disebutkan dalam al-Quran dan berkait dengan susunan ayat al-Quran. Dapatan daripada kajian ini menunjukkan bahawa kajian kemukjizatan al-Quran daripada aspek bilangan diteliti daripada beberapa sudut dalam al-Quran. Namun, melihat kepada hasil kajian-kajian lepas penulis cuma menumpukan perhatian tentang bilangan dalam

al-Quran tanpa menyentuh perbahasan tentang unsur *i'jaz* yang terdapat dalam al-Quran secara mendalam. Kerana sesetengah penulis berpendapat pengetahuan bahasa Arab secara mendalam tidak diperlukan dalam kajian *i'jaz 'adadi*. Oleh itu, hasil kajian bilangan dalam al-Quran haruslah menekankan tentang bilangan yang menyerahkan sifat *i'jaz* iaitu dengan mengetengahkan kehebatan al-Quran daripada aspek bilangan (*i'jaz al-Quran al-'adadi*) bukan hanya memfokuskan kepada keajaiban bilangan secara umum (*aja'ib al-'adad*) dan juga bukan sekadar bilangan (*al-'adad*) dalam al-Quran.

Seperti perbincangan yang disentuh oleh penulis lepas tentang bilangan tujuh lebih memfokuskan tentang angka tujuh yang terdapat dalam al-Quran, tentang pengulangannya, gandaan, dan peranan bilangan dalam suatu ayat. Namun, penegasan mengenai aspek kemukjizatan angka tujuh didapati tidak dinyatakan secara jelas oleh penulis. Ini kerana penulis hanya menghimpunkan ayat-ayat yang menyebut bilangan tujuh serta menghuraikan setiap ayat dengan kaedah pentafsiran ayat. Walaupun, penulis mengatakan angka 7 mempunyai fungsi sistematik berdasarkan pengulangan huruf-hurufnya, akan tetapi kajian yang dilakukan tidak mempunyai penjelasan yang terperinci berhubung kait dengan kemukjizatan al-Quran (*i'jaz al-Quran*). Pendekatan yang kurang tepat dan *debatable* merupakan akibat kajian ini sering dikritik dan menjadi topik perdebatan. Secara umum, pengkaji mendapati bahawa pendekatan ilmu yang digunakan dalam kajian mukjizat bilangan oleh para penulis terdiri daripada empat pengkhususan iaitu rumus matematik, numerologi dan gematria.

Sungguh pun demikian, kajian melalui teks al-Quran boleh digunakan dalam memahami kemukjizatan al-Quran. Seperti kajian Analisis stilistik dan analisis matematik hasil gabungan Esad & Lutvo (2014). Secara kesimpulan, unsur-unsur bilangan dalam al-Quran perlu dititik beratkan dalam memahami penafsiran sesuatu ayat terutamanya pada ayat yang mengandungi penyebutan unsur bilangan secara jelas. Kajian kemukjizatan al-Quran yang dinilai dari aspek bilangan masih memerlukan proses saringan dan pemantangan.

Rujukan

- Abu Zaki & Mohd Yakub. 2016. Cabaran dalam Mengketengahkan Kajian Angka sebagai Mukjizat al-Quran. *QURANICA, International Journal of Quranic Research*, 8(1): 47-72.
- Abu Zaki & Mohd Yakub. 2016. Kajian Angka dalam al-Quran: Dari 'Adad kepada Mukjizat. Seminar Antarabangsa Akidah, Dakwah Dan Syariah, hlm. 314-331.
- Abu Zaki & Mohd Yakub. 2016. Penomboran Dalam Mashaf Al-Quran Dan Gagasan Mukjizat Angka. *e-Bangi Journal of Social Sciences and Humanities*. Special Issue(3): 019-033.
- Abu Zaki Ismail. 2017. Mukjizat Bilangan dalam al-Quran: Kajian Perbandingan antara Bassam Nihad Jarrar dan 'Abd al-Da'im al-Kahil. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Malaya (UM).
- Ahmad Hasan Farhat. 2007. Ad- Dawabit al-Syar'iah li Dirasat al-I'jaz al-'Adadi fi al-Quran. *Buhuth al-Nadwah al-thaniyah li i'jaz fi al-Quran al-Karim al-'Ijaz al-'Adadi fi al-Quran al-Karim*. Dubai International Holy Quran Award. 12&13 March 2007.
- Aripudin. 2017. Pemahaman Afzalur Rahman tentang konsep bilangan, operasi hitung, dan statistik dalam buku al-Quran Sumber Ilmu Pengetahuan. Program Studi Tadris

- Matematika Fakultas Ilmu Tarbiyah dan Keguruan Institut Agama Islam Negeri (UIN) Mataram.
- al-Baqi, Muhammad Fuad ‘Abd. 1981. Al-Mu’jam al-Mufahris li al-Faz al-Quran al-Karim. Beirut: Dar al-Fikr.
- Damanhuri Djamil. 1985. Kesatupaduan Manusia dan Alam. Bandung: Pustaka.
- Dawudi Al-, Muhammad al-Sayyid. 1986. Mu’jam al-Arqam fi al-Quran al-Karim. Kaherah: Dar al-Kuttab al-Misr.
- Fahd bin ‘Abd al-Rahman al-Rumi. 2010. Dawabit al-‘Ijaz al-‘Adadi fi al-Quran al-Karim. Seminar Antarabangsa Kedua Mukjizat Bilangan, Badan Mukjizat Saintifik dalam al-Quran dan al-Sunnah, Morocco.
- Fatimatus Zahroi. (t.th.). Keistimewaan angka 7. https://www.academia.edu/36779318/FATIMATUS_ZAHROI_789docx_docx [17 Jan 2021].
- Hamdaany Al-, Abu Nasr Muhammad bin Abd Rahman. (t.th.). Mengungkap Tujuh Rahasia Ghaib. Idrus H. Alkaf. Surabaya: Karya Utama.
- Ibn Manzur, Muhammad bin Mukarram. (t.th.). Lisan al-‘Arab. Beirut: Dar Sadir.
- Izza Rohman. 2014. Pertalian Angka dan Makna dalam Al-Qur'an Mempertemukan Relasi Antara ayat dalam Kajian al-I‘jaz al-‘Adadi dan Kajian Tafsir al-Qur'an bi al-Qur'an. *Journal of Qur'an and Hadith Studies*, 3(1): 41-55.
- Ling Misbahuddin. 2011. Makna Bilangan Angka dalam al-Quran. Jurnal at-Taqaddum. 3(1): 47-60.
- Mahmoud Suleiman A'lewi. 2010. Number three In Quran Contextual study of expressive. *Mustansiriyyah Journal of Arts*, 34(52): 1-25.
- Mikdar Rusdi. 2003. Konotasi Angka-angka dalam al-Quran: Suatu Kajian Tafsir Maudu'i. Tesis Ijazah Sarjana Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).
- Mikdar Rusdi. 2014. Konotasi Angka-angka dalam al-Quran: Suatu Kajian Tafsir Maudu'i. Johor: Universiti Tun Hussein Onn, Malaysia (UTHM)
- Muhammad Akrom Adabi. 2019. Al-Quran dan Rahasia Angka: Kajian Kitab Tafsir Karya Abu Zahra al-Najdi. *Diya’ al-Afkar: Jurnal Studi al-Qur'an dan al-Hadis*, 7(2): 352-363.
- Muhammad Khoiruz Zaad. (t.th.). Bilangan-Bilangan Istimewa Dalam Al-Qur'an Yang Tak Kalah Istimewa Dengan Bilangan 19. https://www.academia.edu/36773290/Bilangan_Bilangan_Istimewa_Dalam_Al_Quran_Yang_Tak_Kalah_Istimewa [17 Jan 2021].
- Muhammad Mas'ud. 2008. Quantum Bilangan-bilangan al-Quran. Yogyakarta: DIVA Press.
- Mustar. 2011. I‘jaz ‘Adadi: Kemukjizatan Angka 7 dan 19 dalam al-Quran. Tesis Ijazah Sarjana Theologi Islam, Program Studi Tafsir-Hadis, Fakultas Ushuluddin Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah (UIN), Jakarta.
- Al-Najdi, ‘Umar. 1994. Mu‘jizat al-Quran al-Jadidah Bunyat al-Ayat wa al-Suwar. Kuwait: Dar bin Qutaibah.
- Nawawi al-Bantani. (t.th.). Tafsir al-Munir. Indonesia: Dar Kutub Arabiyah.
- Rashad Muhammad Salim. 2006. Ma‘aa al-Quran al-Karim i‘jazihi al-Lughawi Lata‘if wa Asrar. University of Sharjah, United Arab Emirates: Maktabah al-Jami‘ah.
- Rosman Lubis. 2001. Keajaiban angka 11 dalam al-Quran. Jakarta: Pusat al-Kautsar.
- Al-Sabuni, Muhammad Ali. 2002. Al-Tibyah fi’ Ulum al-Quran: Penjelasan Ilmu-ilmu al-Quran. M.S Hafid Masyuri (Terj.). Batu Caves: Crescent News (KL) SDN BHD.

- Uun Yusufa. 2014. Mukjizat Matematis dalam al-Quran: Kritik Wacana dengan Pendekatan Sains dan Budaya. *Hermeunetik*, 8(2): hlm: 343-368.
- Zahidan Abd Wahab. 2004. Angka Tujuh dalam al-Quran. *Tesis Ijazah Sarjana Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya (UM)*.
- Zulfa Ni'matul Mufidah. 2018. Struktur Bilangan 7 dalam Al-Qur'an. https://www.academia.edu/36780735/Struktur_Bilangan_7_Dalam_Al_Quran [17 Jan 2021].